

D541

B B263 AAB
MAHATHIR - DADAH & & &

BUTTERWORTH, 26 JUN (BERNAMA) -- MALAYSIA TIDAK BOLEH BERTOLAK-ANSUR TETAPI HENDAKLAH BERTEGAS DALAM USAHANYA MEMERANGI DADAH, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

KATANYA SESIAPA YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG NEGARA INI DALAM SOAL ITU HARUS MENERIMA AKIBATNYA MENGIKUT UNDANG-UNDANG DI NEGARA INI.

+KITA TIDAK BOLEH MENGAMBIL KIRA WARNA KULIT, FALSAFAH ATAU APA-APA PERKARA LAIN DALAM USAHA NEGARA MENCEGAH PENYALAHGUNAAN DADAH,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI PUSAT INSAF DIRI, BUKIT MERTAJAM DI SINI.

MALAYSIA TIDAK BERASA SEGAN SILU DENGAN UNDANG-UNDANGNYA YANG KERAS MENGENAI DADAH KERANA IA BERTUJUAN MELINDUNGI MASYARAKAT DAN NEGARA INI SENDIRI, KATANYA.

KETIKA DITANYA MENGENAI REAKSI AUSTRALIA BERHUBUNG DENGAN DUA RAKYATNYA YANG DIHUKUM GANTUNG KERANA MENGEDAR DADAH DI NEGARA INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU DIBERITAHU BAHAWA NEGARA ITU BERPUAS HATI DENGAN LAYANAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA KEDUA-DUA MEREKA ITU DAN IA MENGHORMATI UNDANG-UNDANG MALAYSIA. -- LAGI.
1348MST 26 06 86

D542

B B264 AAB
MAHATHIR - DADAH 2 BUTTERWORTH

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA= +SEMASA SAYA DI PERTH BARU-BARU INI, PERDANA MENTERI AUSTRALIA (ENCIK BOB HAWKE) ADA MENELEFON SAYA TETAPI BELIAU TIDAKPUN MEMBANGKITKAN SOAL INI.+.

DUA RAKYAT AUSTRALIA ITU IALAH KEVIN JOHN BARLOW, 28, DAN BRIAN GEOFFREY CHAMBERS, 29, YANG DIDAPATI BERSALAH MENGEDAR 179GM HEROIN DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BAYAN LEPAS, PULAU PINANG PADA 1983.

LEMBAGA PENGAMPUNAN PULAU PINANG SABTU LEPAS MENOLAK RAYUAN PENGAMPUNAN MEREKA DAN BEBERAPA USAHA LAGI DILAKUKAN SELEPAS ITU OLEH PEGUAM MASING-MASING MELALUI MAHKAMAH UNTUK MENYELAMATKAN MEREKA DARI TALI GANTUNG.

PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK SIAPAPUN BOLEH BERKATA BAHAWA WALAUPUN MEREKA MELAKUKAN JENAYAH DI NEGARA INI, HUKUMANNYA HENDAKLAH BERASASKAN KEPADA UNDANG-UNDANG NEGARA MEREKA.

+SEBAGAIMANA JUGA DENGAN KES BMF (BUMIPUTERA MALAYSIA FINANCE), KITA TERPAKSA MEMBIARKAN NEGARA ASING MENJALANKAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG TERHADAP RAKYAT KITA KERANA KITA TIDAK BOLEH MENGUATKUASAKAN UNDANG-UNDANG NEGARA INI BAGI SESUATU YANG BERLAKU DI NEGARA ASING,+ KATANYA. -- LAGI.
1357MST 26 06 86

0548

B B267 AAB
MAHATHIR - DADAH 3 BUTTERWORTH

KATANYA KALAU NEGARA ASING BOLEH MENENTUKAN HUKUMAN KE ATAS RAKYATNYA YANG MELAKUKAN KESALAHAN DI NEGARA INI, MAKA MALAYSIA JUGA BERHAK MENENTUKAN HUKUMAN KE ATAS RAKYATNYA YANG BERSALAH DI NEGARA BERKENAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN MALAYSIA MENERIMA HAKIKAT BAHAWA SESUATU JENAYAH YANG DILAKUKAN DI NEGARA ASING HENDAKLAH DIHUKUM MENGIKUT UNDANG-UNDANG NEGARA BERKENAAN DAN BEGITU JUGA SEBALIKNYA BAGI NEGARA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGUR MEREKA YANG ASYIK MEMPERTAHKAN PENJENAYAH DADAH DARIPADA MEMBERI PERHATIAN KEPADA PENDERITAAN PARA PENAGIH DADAH DAN KELUARGA MEREKA.

KATANYA SIKAP MEREKA YANG TIDAK MAHU BERGIAT MENOLONG MANGSA-MANGSA DADAH DAN LEBIH MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PENJENAYAH, AMATLAH DIKESALI.

PERDANA MENTERI BERKATA PENGEDAR-PENGEDAR DADAH ADALAH PEMBUNUH KERANA DISEBABKAN OLEH PERBUATAN MEREKA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN BERPERIKEMANUSIAAN, RAMAI PENAGIH TELAH MATI DAN MEREKA YANG HIDUP PULA BERKEADAAN SEPERTI BANGKAI-BANGKAI BERNYAWA SAHAJA. -- LAGI.

1407MST 26 06 86

B B279 AAB
MAHATHIR - DADAH 4 BUTTERWORTH

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI BERKATA KERAJAAN AKAN MEMBERI PENEKANAN YANG SEPENUHNYA KEPADA SEGALA USAHA MENGATASI MASALAH DADAH YANG DIANGGAP MUSUH NEGARA YANG LEBIH SERIUS DARIPADA ANCAMAN KOMUNIS.

BERHUBUNG DENGAN SOAL ITU, KERAJAAN AKAN CUBA MENGADAKAN KERJASAMA DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN TERMASUK NEGARA-NEGARA DI MANA DADAH DIKELUARKAN SECARA HARAM SUPAYA DAPAT DIMUSNAHKAN SEGALA PENGELUARANNYA.

UNTUK INI MALAYSIA SANGGUP BERKERJASAMA DENGAN SEMUA NEGARA DI DUNIA DAN IA AKAN MEMAINKAN PERANAN YANG BESAR DALAM USAHA MENCEGAH DADAH KERANA MASALAH ITU YANG MERUPAKAN SATU PENYAKIT, TIDAK BOLEH DIKAWAL OLEH SEBUAH NEGARA SEMATA-MATA TETAPI MEMERLUKAN KERJASAMA SEMUA NEGARA.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI MENDENGAR TAKLIMAT MENGENAI PUSAT ITU YANG DISAMPAIKAN OLEH PENGETUANYA ENCIK S. BARATHAN DAN KEMUDIAN MELAWAT PUSAT ITU.

PUSAT ITU SEKARANG MEMPUNYAI 300 PENGHUNI DAN SEJAK DITUBUHKAN 10 TAHUN LALU SERAMAI 1,845 DARIPADA 2,826 PENAGIH DADAH ITU SUDAH DIPULIHKAN DI PUSAT ITU.

YANG TURUT HADIR DALAM LAWATAN ITU IALAH KETUA MENTERI DR. LIM CHONG EU. -- BERNAMA.

1445MST 26 06 86